

29/04/1998

Kegawatan air: Mikrokosme permasalahan kita

KEGAWATAN bekalan air bukan saja pengalaman pahit bagi mereka yang secara langsung terbabit dengannya, tetapi mempunyai pelbagai implikasi bagi kita semua. Harus beratur dengan bekas bagi mendapat air bersih daripada lori tangki yang kadang-kadang tidak kunjung tiba; harus bangun jam 3 pagi kerana waktu itulah lori air tiba; harus mengangkat air beberapa tingkat bagi penduduk rumah pangsa; harus tidak mandi dengan sempurna, dan pelbagai lagi yang terpaksa dilalui oleh mangsa kerana air adalah keperluan asas. Walaupun tidak mengalami itu semua, sebenarnya kegawatan itu menyentuh setiap warga Malaysia. Ia adalah microcosm atau rumusan kepada kebanyakan permasalahan yang masyarakat kita hadapi sebenarnya. Ia menyentuh daripada pimpinan politik membawalah kepada pegawai Jabatan Bekalan Air (JBA), pakar, syarikat yang ditunjuk mengambil alih perbekalan air melalui penswastan dan pendeknya seluruh warga negara.

Sejak awal apabila kegawatan air sampai ke permukaan, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah mengarahkan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim meninjau masalah itu. Beliau turun padang dan melihat sendiri kesulitan yang dihadapi penduduk rumah pangsa mendapatkan bekalan air daripada lori tangki JBA. Yang bermakna sekali ialah kenyataan Anwar supaya diperjelaskan senyata-nyatanya kenapa ada kawasan, terutama kawasan rumah murah, tidak mendapat bekalan air, sementara kawasan lain, terutama rumah mewah dan kondominium, bekalannya sentiasa ada. Ini mencerminkan kepekaan Anwar melihat kegawatan bekalan air boleh membawa kepada permasalahan yang lebih besar apabila ia dilihat sebagai pembahagian tidak seimbang di antara kawasan kaya dan miskin, antara golongan atasan dan rakyat biasa.

Adanya gara-gara pandangan ini digambarkan dengan jelas lagi jitu oleh kartun M Desa dalam New Straits Times, 16 April lalu. Sememangnya kartunis Malaysia tidak melepaskan peluang menangkap kegawatan air ini dalam lakaran kartun mereka, seperti Juragan dalam Harian Metro yang tidak henti-henti menyentuh gelagat manusia yang mungkin lucu tetapi pahit menghadapi kegawatan air itu. Kartun M Desa menggambarkan lori tangki JBA menyalurkan air terus ke rumah mewah dengan tanda 'Jalan Pegawai' dengan pemandunya bermuka manis. Lakaran kedua pula menunjukkan pemandu yang sama dengan muka berkerut menyalurkan air kepada satu barisan penduduk kawasan rumah murah dengan tanda 'Kampung Kerinchi'. Kedua-dua lakaran itu penuh bermakna, dan banyak kemungkinan itulah yang sebenarnya berlaku. Gambaran itu bukanlah petanda yang baik bagi negara kita. Maka itulah Anwar memilih untuk menyatakan kehendaknya kepada pegawai JBA yang terbabit.

Selain Anwar, ramai menteri dan pemimpin yang membuat kenyataan mengenainya, tetapi kenyataan Datuk Seri S Samy Vellu, Menteri Kerja Raya merangkap Presiden MIC, menarik perhatian. Kenyataan beliau: "Perlembagaan negara berhubung hak kerajaan negeri ke atas bekalan air perlu dipinda bagi membolehkan Majlis Air Negara bergerak dengan lebih berkesan", selepas memberi taklimat kepada ahli parti DAP mengenai krisis air mempunyai implikasi tersendiri. Penubuhan Majlis Air Negara memang wajar, tetapi hendak meminda Perlembagaan Negara boleh dipertikaikan. Perlembagaan Negara sudah terbentuk dengan peruntukan yang menjamin hak dan kepentingan masing-masing pihak bagi mewujudkan sebuah negara Malaysia. Asasnya mesti dihormati dan dianggap keramat sebagai tapak kewujudan kita. Jika masalah timbul, kita mesti belajar menyelesaikannya dalam kerangkanya, bukan mencari jalan senang dengan memindanya apabila

menghadapi sesuatu persoalan. Dalam kegawatan air ini, adakah pihak negeri sudah menunjukkan mereka tidak mahu bekerjasama dalam soal ini? Tidakkah dalam Majlis Air Negara nanti wakil negeri akan menganggotainya? Penyelesaian pragmatik pun ada sempadannya, kerana kita mesti belajar berpandukan prinsip asas kewujudan kita.

Walaupun kemarau memanjang akibat El Nino dikatakan sebagai faktor kita kekurangan air, ia adalah salah satu faktor saja. Lebih penting ialah persediaan kita, bukan setakat menghadapi ketidaktentuan kejadian alam, tetapi apa yang kita sendiri lakukan. Pertumbuhan penduduk bukan lagi kehendak alam, tetapi sebahagian besarnya ditentukan oleh manusia sendiri. Pembangunan bukan saja menampung peningkatan penduduk, tetapi penyebabnya juga. Pembangunan pesat di Kuala Lumpur dan sekitarnya dengan kondominium, taman perumahan, hotel mewah, menara pejabat pencakar langit dan padang golf tentu memerlukan banyak bekalan air. Tidakkah matlamat kita mencapai angka 70 juta penduduk? Tetapi setakat 20 juta sekarang, kita sudah gawat dengan bekalan air!

Bukan tidak ada persediaan dibuat, iaitu dengan membina empangan yang bukan saja menakung air tetapi menjana tenaga juga. Tetapi pada masa yang sama, kita tidak menghiraukan pemeliharaan alam sekitar kita. Bukan tidak ada Kementerian Alam Sekitar yang mengawal selia alam sekitar, tetapi keghairahan pembangunan, terutama ekonomi, menidakkan segala usaha kementerian itu. Bukit-bukau digondolkan; hutan simpan dicerobohi; sungai dicemari sisa buangan kilang yang dibenarkan didirikan di tebing sungai; kawasan ternakan khinzir dan ternakan lain juga mencemari sungai; dan pelbagai lagi faktor buatan kita sendiri yang mengganggu bekalan air yang didapati daripada alam semesta anugerah Tuhan!

Dapatkah kita membendung pembangunan yang seolah-olah tidak tahu sempadannya? Pembangunan berlebihan juga membawa balik penyakit seperti malaria dan tibi yang satu ketika sudah dilenyapkan. Kita tidak dapat salahkan usahawan kerana dalam perancangan negara sebelum kegawatan ekonomi melanda, perancangan pembangunan akan berbentuk seperti pemusnahan hutan di puncak banjaran Titiwangsa bagi membina `super-highway' yang akan merangkai pusat peranginan kita ataupun `linear city' yang akan dibina atas laluan Sungai Klang.

Pemusnahan alam sekitar demi pembangunan susah hendak dibendung bukan kerana kurang kawalan pihak berkuasa, tetapi kerana iklim sosial dan psikologi yang terbentuk daripada falsafah hidup yang dominan dalam masyarakat kita. Inilah masanya kita berpeluang mendahulukan kepentingan diri atau satu golongan tertentu, daripada memikirkan kesejahteraan ramai atau negara. Dan ini tercermin apabila kita mengalami kegawatan air sekarang, seperti juga dalam kegawatan ekonomi apabila Perdana Menteri sendiri menyesali tindakan ahli korporat dan peniaga `tidak patriotik'.

Bukan tidak ada pakar tempatan mengenai bekalan air atau air itu sendiri. Berpuluh kertas kerja sudah dikemukakan bersangkutan masalah air, dan krisis air inipun sudah diteloh dalam beberapa seminar. Memang sudah dibangkitkan perkara ini kepada pihak berwajib, tetapi seperti biasa, bukan saja roda birokrasi kerajaan berpusing perlahan tetapi pandangan pihak lain daripada yang rasmi seperti ahli akademik memang selalu tidak diambil perhatian. Apa yang berlaku ialah pengkorporatan atau penswastan perkhidmatan yang biasanya dijalankan oleh kerajaan, tetapi dalam banyak kesnya, orang yang sama juga akan mengendalikan perkhidmatan yang diswastakan itu.

Negeri Selangor menswastakan perkhidmatan airnya kepada syarikat Puncak Niaga yang sepatutnya peka kepada masalah air di negeri itu. Lagipun tokoh yang memimpin syarikat itu ada kaitannya dengan pengurusan negeri itu dulu, dan patut peka kepada tuntutan. Bukan apabila terhantuk, baru terngadah, seperti menghantar ekspedisi mencari dan mengkaji sumber air.

Mengikuti laporan, syarikat itu mendapat bantuan kepakaran daripada firma Perancis. Yang menarik ialah kenyataan pakar itu: "Privatisation may bring with it better services, but the public needs to wake up to the fact that water may no longer be a cheap commodity that can be taken for granted" (The Star, 7 April 1998). Saya rasa orang kita sudahpun tahu bahawa penswastaaan mana-mana perkhidmatan awam akan menambah perbelanjaan hidup mereka, tetapi bukan terjamin bahawa perkhidmatan akan bertambah baik dalam setiap kes.

Memang benar waktu hidup di kampung dulu, air adalah percuma pemberian Tuhan, tetapi di bandar dengan pencemaran sungai daripada pembangunan sekitarnya, tidak tentu air yang kita dapat walaupun menerusi sistem paip, selamat kepada kesihatan. Bagi yang mampu, mungkin tapisan canggih dapat dibeli dan dipasang pada paip, tetapi yang tidak mampu, terpaksa bergantung kepada kualiti air yang disalurkan. Walau apapun, terpaksa kita belajar bahawa `air bukan lagi pemberian Tuhan yang percuma'.

Kegawatan air yang kita alami bukan soal alam sekitar dan perancangan atau infrastruktur saja, tetapi kemanusiaan juga. Dalam keadaan darurat mendapatkan air, pelbagai inisiatif dan telatah sudah ditunjukkan mereka yang terbabit. Kadang-kadang kita terpaksa melakukan dan tidak mengikut undang-undang seperti mengambil air daripada pili bomba. Tetapi keseluruhannya, mengikuti laporan media massa, mereka yang terbabit menunjukkan disiplin yang membanggakan. Dalam pada itu, seperti biasa, ada yang mengambil kesempatan seperti menaikkan harga bekas air plastik, mengenakan pam air di punca bekalan rumahnya sehingga menyusahkan jirannya.

(END)